

**Malaysia Mahu Muncul Sebagai Hab Acara Perniagaan Asia - Najib Bernama  
15 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Malaysia telah mewujudkan beberapa program bagi menarik delegasi perdagangan antarabangsa ke negara ini sebagai sebahagian daripada agenda utama ekonomi negara untuk menjadi Hab Acara Perniagaan Asia.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata acara perniagaan telah menjadi sebahagian daripada Program Transformasi Ekonomi (ETP) iaitu meningkatkan lima kepada lapan peratus pelancong perniagaan daripada jumlah keseluruhan kedatangan pelancong ke negara ini.

Beliau berkata Malaysia menasarkankan 2.9 juta kedatangan pelancong perniagaan menjelang 2020 berbanding 1.2 juta pada 2010.

"Kami percaya anugerah International Dragon Awards 2013 (IDA 2013) yang menarik lebih 5,000 perwakilan akan menyumbang secara positif kepada misi kami serta mengukuhkan peranan Malaysia sebagai destinasi acara perniagaan utama di rantau ini," katanya.

Najib berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat tahunan IDA 2013 merangkap Kongres Insurans Hayat Malaysia Cina ke-17 di ibu negara, Khamis malam.

Mesyuarat tahunan selama tiga hari itu menyaksikan penyertaan 16 buah negara termasuk China, Taiwan, Hong Kong, Korea Selatan dan Australia.

Najib berkata Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB) ditubuhkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk menarik segmen perniagaan ke Malaysia.

Beliau berkata berdasarkan ranking dunia Persatuan Konvensyen dan Kongres Antarabangsa (ICCA), Malaysia menduduki tempat ke-29 bagi kemudahan Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE) dan ketujuh di Asia Pasifik manakala Kuala Lumpur sebagai destinasi tempat kelima.

Beliau berkata Malaysia semakin terkenal sebagai destinasi perniagaan dengan menawarkan pengalaman hebat kepada pelawat.

Majlis itu juga dihadiri Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib dan Ketua Pegawai Eksekutif MyCEB, Zulkefli Sharif.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970275>